

07 OCT 2003

Sukan-Berbasikal (Jelajah)

PERINGKAT KEDUA JELAJAH MALAYSIA MILIK SAMAI

BUTTERWORTH, 7 Okt (Bernama) -- Pelumba Kelab Wismilak dari Indonesia, Samai hari ini menjuarai perlumbaan peringkat kedua Jelajah Malaysia dari Kangar Ke Butterworth sejauh 144.5 kilometer.

"Kira-kira 500 meter sebelum tamat perlumbaan, saya mula memecut untuk mendahului kelompok besar dan meninggalkan kelompok itu lebih kurang 25 meter untuk memenangi acara hari ini," kata Samai.

Beliau merupakan pemenang pingat emas acara pecut 200m di Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur.

Jaguh pecut negara jiran itu mencatatkan masa 3 jam 20 minit 31 saat.

Catatan masa yang sama juga dicatatkan oleh rakan sepasukannya Wawan Setyobudi yang menduduki tempat kedua dan pelumba dari Kazakhstan Vladimir Bushanskiy di tempat ketiga.

Sementara itu, pelumba Kazakhstan Yury Yuda terus mengekalkan jersey kuning sebagai pemenang keseluruhan selepas dua peringkat walaupun hanya berpuas hati di tempat ke-21.

Pelumba negara Mahathir Hamad pula mengekalkan jersey biru berdasarkan jumlah pungutan mata yang dibuat setakat ini manakala rakannya Suhardi Hassan menduduki tempat kelima.

Kayuhan pelumba-pelumba hari ini sedikit tergugat akibat banjir yang melanda beberapa kawasan di Kedah dengan empat pelumba mengalami kecederaan kecil apabila terjatuh akibat arus Sungai Muda yang deras.

Para pelumba terpaksa mengharungi air akibat limpahan Sungai Muda yang naik setinggi 20cm di kawasan Tikam Batu berhampiran Jambatan Merdeka.

Esok perlumbaan peringkat ketiga merupakan laluan terpanjang dalam jelajah kali ini iaitu 166.3km yang bermula di Butterworth dan tamat di Ipoh.

Ia juga akan menyaksikan pendakian kawasan berbukit kelas tiga bermula di Changkat Jering sehingga ke Kuala Kangsar.

-- BERNAMA

FA JM PR